

Najib Terima Anugerah Tertinggi UAE
Bernama
Mei 18, 2014
Oleh Sharifah Nur Shahrizad Syed Mohamed Sharer

ABU DHABI, 18 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dianugerahkan Pingat Union oleh Emiriyah Arab Bersatu (UAE), anugerah tertinggi untuk Ketua Negara, di sini Ahad.

Anugerah itu, yang diberikan sebagai menghargai sumbangan beliau ke arah mempertingkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara, disampaikan oleh Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan di Istana Mushrif Palace, di sini.

Perdana Menteri sebelumnya diberi sambutan rasmi di Istana.

Najib yang tiba di sini Sabtu malam kini dalam lawatan rasmi selama tiga hari ke ibu negara UAE dan ini merupakan lawatan kali kedua ke negara itu selepas menyandang jawatan perdana menteri pada April 2009.

Dalam lawatan itu, beliau diiringi oleh isteri Datin Seri Rosmah Mansor dan beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohammed Nazri Abdul Aziz dan Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039210>